

**Kerajaan Mahu Syarikat Multinasional Bantu Tangani Masalah Hakisan Pantai**  
**Bernama**  
**20 Julai, 2012**

MIRI, 20 Julai (Bernama) -- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mahu lebih banyak syarikat multinasional di negara ini tampil membantu kerajaan dalam menangani masalah hakisan pantai.

Menterinya Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata masalah itu bukan sahaja memusnahkan alam sekitar tetapi juga boleh menjejaskan keselamatan penduduk di kawasan berkenaan.

Katanya kerajaan persekutuan amat serius dalam soal itu yang dapat dilihat menerusi peruntukan RM411 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan RM85 juta di bawah RMK10.

"Peruntukan disediakan ini adalah mengikut kemampuan kewangan negara dan tidak mencukupi untuk menangani masalah hakisan pantai seluruh negara,"katanya pada majlis penyerahan baik pulih hakisan pantai Terminal Minyak Mentah Miri (MCOT) oleh Petronas kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak, di sini Jumaat.

Terdahulu Pengurus Besar Petronas Wilayah Sarawak Datin Mary Sadiyah Zainuddin berkata projek pemulihan pesisiran pantai MCOT melibatkan kawasan sepanjang 2.4 kilometer dan fasa pertama siap bulan lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682132>

